

Control No: 0000274812

file name: MA/business/2015/BUS 2015 A02.pdf

ess - Entrepreneurs

s: 26-35

DATO' SERI VIDA

TEPIS GODAAN NAFSU

ANGGUN, GLAMOR DAN SEGAR! BEGITU LAH PERUMPA MAKAN PALING TEPAT UNTUK MENGGAMBARKAN IMEJ YANG KAMI TAMPILKAN BUAT DATO' SERI DR. HAJAH HASMIZA OTHMAN ATAU LEBIH MESRA DATO' SERI VIDA SEBAGAI PENGHIAS MUKA HADAPAN NONA EDISI SIHAT CANTIK KALI INI. ALIRANYA TETAP MEMUKAI SERTA TIADA TANDINGAN. TERNYATA, PILIHAN KAMI TEPAT. DATO' SERI VIDA WAJAR DIJADIKAN SUMBER INSPIRASI KERANA BELIAU MEMILIKI SEGALANYA YANG DIHAPIKAN OLEH SETIAP WANITA.

AMY MOHD KIFFY RAZAK FIEZREEN AHMAD SYAIFUL AZUAN ZA ZAIN





Hikmatnya bukan mudah untuk mengatur pertemuan dengan usahawan berstatus jutawan ini. Rutin hariannya padat dengan pelbagai agenda yang perlu diselesaikan. Apatah lagi, beliau berada di Ipoh. Namun mujurlah akhirnya Dato' Seri Vida bersetuju untuk meluangkan masa buat Nona iaitu sehari sebelum beliau berangkat ke China. Peluang yang ada itu kami manfaatkan sebaiknya biarpun harus menempuh perjalanan ke Ipoh selama hampir dua jam. Syukurilah perjalanan pada hari itu lancar.

Sebaik tiba di Wisma Vida Beauty, kami disambut mesra oleh beberapa kakitangan di situ. Penulis terpegun seketika saat pertama kali menjejakkan kaki ke sini. Umpama sebuah kediaman mewah, ruang pejabatnya itu mempunyai rekaan dalaman yang memukau sekali gus memberikan keselesaan buat para pengunjung. Saat leka menikmati keindahan ruang pejabat dua tingkat itu, muncul Dato' Seri Vida sambil mengukir senyum. Biarpun hadir tanpa secalit solekan dan riak wajahnya sedikit kepenatan namun kecantikan asli pengasas Vida Beauty ini tetap terserlah.

Sambil wajahnya dirias oleh jurusolek, kami memulakan bicara. Ternyata, Dato' Seri Vida seorang yang mudah mesra. Kata-katanya penuh dengan inspirasi dan motivasi. Beliau juga tidak lokek berkongsi rahsia kejayaan dan setiap jawapan dilontarkan dengan jujur.

PERNIAGAAN

"Alhamdulillah perniagaan saya kini semakin berkembang. Produk-produk saya seperti Pamoga dan Qu Puteh juga semakin mendapat sambutan yang baik sejak dahulu hingga kini. Ternyata cara promosi yang saya lakukan selama ini berjaya menarik minat orang ramai untuk menerima produk keluaran saya.

Sebagai ahli perniagaan sudah tentu saya mahu produk saya menonjol. Selepas menaja sesebuah rancangan, saya harus melihat kesan terhadap promosi yang dilakukan sama ada berjaya atau tidak. Apa gunanya kalau saya laburkan wang berjuta-juta namun hasilnya tiada.

"UNTUK BERADA PADA KEDUDUKAN INI SAYA BANYAK BELAJAR DARI KEGAGALAN MASA LALU SERTA KEJATUHAN DAN KENAIKAN ORANG LAIN."

Saya tidak kisah apa yang orang katakan. Mereka tidak berada dalam situasi saya. Saya hanya menggunakan peluang yang ada. Saya mahu produk saya dipromosikan dengan cara saya. Kalau tak ada impak maka tiada maknalah iklankan produk.

Sasaran produk saya adalah untuk orang kampung maka cara promosinya haruslah sesuai untuk golongan tersebut," ungkap Dato' Seri Vida ketika mengulas tentang kritikan dan tohmahan orang ramai menerusi laman sosial

yang kurang senang dengan fenomena iklan produknya iaitu Pamoga dan Qu Puteh yang dianggap berlebihan-lebihan.

"Untuk berada pada kedudukan ini, saya banyak belajar daripada kegagalan masa lalu serta kejatuhan dan kenaikan orang lain. Saya turut mencari idea yang lebih kreatif untuk berjaya dalam bidang perniagaan ini kerana terlalu banyak persaingan di luar sana. Oleh itu saya harus lakukan kelainan seterusnya menjadi *trendsetter*. Alhamdulillah *tagline* saya berjaya menjadi fenomena dan menjadi ingatan.

Apa yang penting ialah strategi pemasaran perlu tepat dan berani mengambil risiko. Ini kerana kejayaan itu bukannya datang bergolek. Perlu usaha tanpa jemu. Lakukan sesuatu yang berlainan berbanding orang lain serta konsisten barulah boleh berjaya. Saya buat anugerah berprestij bukan untuk bermegah dengan apa yang saya miliki sebaliknya itu adalah cara untuk mempromosikan produk dengan lebih berkesan serta mengikut keperluan pengguna. Insya-Allah selepas ini saya merancang untuk mengadakan program *talkshow* pula.

Tidak dinafikan bahawa terdapat pengusaha produk yang jenamanya dikenali dengan cepat. Namun begitu berisiko juga untuk jatuh dengan mendadak. Apa pun ia bergantung kepada rezeki masing-masing. Saya sendiri belajar daripada pengalaman sebelum ini dan sentiasa beringat supaya jangan mudah lupa diri jika sudah berada di atas. Saya tidak pernah merasakan diri ini hebat," bicara Dato' Seri Vida.



INSPIRASI

Bukan mudah untuk menjadi wanita ini. Bukan sehari dua beliau mengukir kejayaan kerana harus mendaki setangga ke setangga untuk sampai ke tahap sekarang. Berkat usaha tanpa mengenal jemu dan tidak pernah beralah, akhirnya Dato' Seri Vida mencapai impiannya untuk bergelar usahawan jutawan seterusnya meledakkan legasinya sebagai pengusaha produk yang tersohor di Malaysia. Selayaknya beliau menjadi sumber inspirasi buat seluruh kaum Hawa.

"Sebenarnya untuk menjadi yang terbaik dan seorang yang diinspirasi bukanlah mudah. Perlu ada cara tersendiri dan mengekalkan momentum prestasinya. Maka sebab itulah saya mencari *tagline* tersendiri. Dengan itu orang akan ingat, contohnya Qu Puteh. Qu Puteh barulah putih. Bukan hanya golongan dewasa yang ingat bahkan kanak-kanak juga. Begitu juga dengan pemakaian mahkota yang menjadi identiti saya. Niat asal saya ialah hendak berada di belakang tabir sahaja dan biarlah produk yang popular. Namun saya berubah fikiran kerana harus menonjolkan diri untuk mempopularkan produk," ungkap Dato' Seri Vida yang gemar melakukan sesuatu yang baru.

Kebanyakan berpendapat bahawa untuk menarik kepercayaan dan keyakinan terhadap produk, pengusaha atau pengasasnya haruslah juga kelihatan cantik dan sempurna. Namun wanita berusia 44 tahun ini mempunyai pandangannya yang tersendiri.

"Saya mengakui bahawa saya tidak sempurna dan ada kekurangan diri namun menggunakan kelebihan lain sebagai strategi untuk penjenamaan. Apa yang penting ialah saya percaya dengan rezeki yang Allah SWT berikan berserta juga niat. Saya bersyukur kerana kini saya memiliki apa yang diimpikan selama ini, apa yang wanita-wanita inginkan.

Sebenarnya untuk menjadi yang terbaik dan seorang yang diinspirasi bukanlah mudah. Perlu ada cara tersendiri dan mengekalkan momentum prestasinya."

Segalanya tidak datang sendiri sebaliknya usaha yang berterusan. Rahsia saya ialah doa yang sentiasa dipanjatkan saban waktu. Doa merupakan senjata yang paling ampuh kerana ia adalah saat kita paling dekat dengan Maha Pencipta. Saya tidak pernah lupa untuk berdoa kepada Allah SWT dan alhamdulillah doa saya sering dimakbulkan. Namun begitu, saya tetap merendah diri dan bersyukur dengan apa yang dikecap. Mudah-mudahan Allah SWT tetapkan hati saya untuk terus muhasabah dan berpijak di bumi yang nyata.

Oleh sebab itulah saya merasakan wajar untuk berkongsi rezeki khususnya bersama insan-insan yang memerlukan. Selain memfokuskan kepada perniagaan, saya juga kini banyak melakukan aktiviti amal. Harapan saya ialah dapat menubuhkan Kompleks Tahfiz Dato' Seri Vida Allah Merahmati di Tanah Merah kelak. Kompleks ini bakal memuatkan sekurang-kurangnya 500 pelajar lelaki dan akan dibiyai sepenuhnya oleh saya," jelas Dato' Seri Vida.

Untuk kekal cantik dan sihat, Dato' Seri Vida menjaga pemakanannya seperti mengelakkan makanan sejuk. Beliau turut mengamalkan gaya hidup yang sihat serta aktif. Selain itu, Dato' Seri Vida juga sudi berkongsi amalan petua yang diamalkan iaitu bagaimana menjaga payudara. Caranya ialah dengan mengurut dengan air suam ketika mandi. Selain itu, turut diamalkan ialah meminum air suam setiap kali bangun dan sebelum tidur di samping berselawat terlebih dahulu.

"Saya gemar duduk bersendirian di dalam bilik sambil bermeditasi dan berdoa. Ia umpama terapi diri buat saya. Falsafah kecantikan saya ialah cantik itu biarlah ikhlas," ungkap Dato' Seri Vida yang gemar mengumpul jam tangan dan barang kemas.

PERSEDIAAN

Tidak selamanya kita akan berada di atas kerana hidup ini umpama roda yang berputar. Ada kala di atas dan ada kalanya di bawah. Sebagai seorang yang sentiasa positif dan optimis, Dato' Seri Vida telah pun bersiap sedia andai ditakdirkan beliau menempuh zaman kejatuhan kelak.

"Saya tidak menafikan bahawa kita harus bersedia apa jua kebarangkalian yang akan berlaku pada masa akan datang. Sebagai manusia kita sering kali diuji dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan termasuklah dalam kerjaya. Sama ada kita mampu untuk menempuhnya atau tersungkur di tengah jalan. Semuanya bergantung kepada persediaan yang kita lakukan. Saya sendiri perlu

"UNTUK BERADA PADA KEDUDUKAN INI SAYA BANYAK BELAJAR DARI KEGAGALAN MASA LALU SERTA KEJATUHAN DAN KENAIKAN ORANG LAIN."

melakukan sesuatu andai itu berlaku. Bagi saya persiapan mental dan fizikal haruslah kuat untuk menghadapi keadaan tersebut.

Sentiasa mengimbas kehidupan ketika susah juga membantu saya untuk selalu beringat. Walau pun kini saya hidup senang, namun saya tetap mencari wang sendiri bukannya menggunakan wang syarikat. Sekiranya populariti yang diraih hari ini mampu bertahan lama, saya bersyukur dan sentiasa berdoa semoga populariti ini tidak mengaburi mata.

Namun begitu saya perlu juga bersedia. Selain itu, saya turut memperbanyakkan amal ibadah agar apa yang dikecap selama ini diberkati. Dengan itu saya bertahajud selalu dan beribadah dengan hati yang tenang dan gembira. Saya bukan hanya hendak kaya di dunia bahkan akhirat juga.

Maka berdoa dan berusaha. Lambat atau cepat sahaja Allah akan tunaikan. Selain itu, saya turut mengamalkan ayat seribu dinar dalam kehidupan seharian. Alhamdulillah berkat amalan tersebut setiap perkara yang saya lakukan terasa mudah. Maka untuk hidup tenang dan berjaya berdoalah dengan seikhlas hati kepada Allah SWT. Saya turut bersyukur ramai di kalangan pengguna produk-produk saya mendoakan kesejahteraan saya. Sesungguhnya yang tidak boleh dijual beli ialah doa.

Berdoa juga perlu kreatif contohnya pada waktu-waktu sunyi seperti di tengah malam. Sebaiknya berdoalah dengan tangisan agar dapat tonjolkan diri kita kepada-Nya seterusnya Dia akan mendengar apa yang ada di dalam hati kita," ujar Dato' Seri Vida yang pernah diuji dengan kehilangan dua anaknya dalam satu tragedi menyayat hati beberapa tahun lalu. Bagi beliau, dia reda dengan apa yang berlaku dan yakin bahawa setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Beliau juga mahu memperbanyakkan amalan kebajikan agar dapat menjadi contoh yang baik buat semua.

"Saya tidak pernah memilih dalam berkawan namun perlu berwaspada. Ini kerana saya mempunyai ramai kenalan namun ada yang datang dan pergi. Saya cukup berhati-hati kerana mungkin ada yang sekadar ingin mengambil kesempatan dan sebagainya. Kalau keluar membeli-belah pun saya lebih selesa keluar berseorangan. Namun tidak dinafikan ada juga rakan-rakan yang masih setia bersama saya sejak dahulu hingga kini. Susah senang pun bersama.





“**S**aya tidak pernah berkira dengan pekerja kerana tanpa bantuan mereka saya tidak akan berada seperti sekarang.”

Dalam berkawan saya mementingkan keikhlasan kerana ia merupakan salah satu faktor kepada hubungan yang kekal. Setakat ini saya mempunyai pembantu dan peguam yang masih setia bersama saya.

HARAPAN

Demi meneruskan kegemilangan empayar perniagaannya tidak hanya bergantung kepada usahanya sendiri sebaliknya datang daripada sokongan para pekerja. Dato' Seri Vida seorang yang cukup bertanggungjawab dan penyayang terhadap pekerja-pekerjanya.

“Saya tidak pernah berkira dengan pekerja kerana tanpa bantuan mereka saya tidak akan berada seperti sekarang. Ini adalah hasil kerjasama dan saya amat fleksibel dengan mereka. Saya tegas dengan mereka secara psikologi. Oleh itu usah saling merosakkan kepercayaan agar hubungan antara ketua dan pekerja kekal baik.

Saya bersyukur kerana hampir semua impian saya kini tercapai. Saya sentiasa berdoa dan berserah kepada Allah SWT agar kehidupan menjadi lebih baik. Begitu juga dengan perniagaan semoga ia terus berkembang dan terus unggul dalam industri. Untuk anak-anak, saya sudah membeli rumah buat mereka serta akan mewariskan empayar perniagaan saya untuk mereka. Saya gembira kerana ada antara mereka yang mempunyai minat terhadap perniagaan.

Pesanan saya buat seluruh kaum wanita di luar sana sebelum anda penuh impian sendiri selesaikanlah terlebih dahulu segala hutang-piutang. Berdikit-dikit dahulu pun tak mengapa asalkan dapat diselesaikan dengan sempurna. Jangan berhutang untuk berjaya.”

Kurang selesa bercerita hal peribadi, beliau tidak banyak berkongsi soal rumah tangga. Barangkali wanita ini tidak mahu mencampurkan perihal peribadi dengan kerjaya. Riak wajahnya tetap kelihatan ceria dan bahagia. Justeru, setiap kata nista yang dilemparkan langsung tidak meninggalkan kudis buat dirinya.

“Saya cuma berharap dapat memberi sumbangan yang cukup buat mereka yang kurang bernasib baik. Kehilangan dua anak membuatkan saya hendak kaya dan bahagia di dunia dan akhirat. Itulah yang saya perjuangkan hari ini dalam perniagaan,” luahnya sambil mengakhiri pertemuan kami petang itu. ■